

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN  
RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa sistem bekalan air terawat untuk perumahan Kg. Mengkabong Tuaran yang dilaksanakan melalui FELCRA suatu ketika dahulu tidak pernah berfungsi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, sebanyak 420 unit rumah PBR Mengkabong telah menerima bekalan air bersih melalui paip agihan utama (*dedicated water supply*) Jabatan Air Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, sistem Tangki Bekalan Air Mengkabong berfungsi sebagai sistem bekalan air sokongan (*supporting water supply*) apabila berlaku tekanan air yang rendah di kawasan setempat.

Adalah dimaklumkan bahawa, terdapat kerosakan yang terjadi pada rumah pam dan tangki di Kg Mengkabong akibat tiada penjagaan dan memerlukan pembaikan semula. Pihak FELCRA Berhad telah mengadakan perbincangan dengan Pegawai Daerah Tuaran bagi mencadangkan pemeriksaan rapi oleh pihak JBA Tuaran untuk mengenalpasti kerosakkan dan juga kos-kos pembaikan yang terdapat pada rumah pump untuk tindakan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS  
TANGAU (TUARAN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebenarnya status perintah  
berkurung yang dikuatkuasakan di Pantai Timur Sabah dan kenapakah  
sudah sekian lama tidak ada pengumuman tentang statusnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan Kerajaan melalui ESSCOM untuk melaksanakan Arahan Perintah Berkurung dari pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi masih berkuatkuasa di Pantai Timur Sabah yang melibatkan tujuh (7) buah daerah iaitu Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Kinabatangan, Sandakan dan Beluran. Arahan Perintah Berkurung ini dibuat berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 31(4)(1), Akta Polis 1967 yang bertujuan untuk mengawal pergerakan kapal dan bot secara berkesan di samping mengekang pencerobohan anasir luar dan jenayah rentas sempadan. Keputusan ini akan dapat mewujudkan keyakinan kepada komuniti maritim seperti pengusaha pelancongan dan nelayan untuk menjalankan aktiviti di laut dengan lebih selamat dan terjamin. Dalam hubungan ini, pihak PDRM Sabah mengeluarkan siaran/kenyataan media berhubung arahan perintah berkurung setiap dua (2) minggu sebagai hebahan umum. Arahan Perintah Berkurung Siri 172 berkuatkuasa dari 13 hingga 27 Oktober 2021 merupakan yang terkini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**SOALAN**

**TUAN ANYI NGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar tentang pelbagai kekurangan pelbagai Klinik Kesihatan Luar Bandar di Sabah yang serba daif termasuk Klinik Kesihatan Pekan Nabal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan mengambil maklum terhadap pelbagai kekurangan di Klinik-Klinik Kesihatan di luar bandar di negeri Sabah. Berdasarkan maklumat semasa terdapat 304 buah fasiliti klinik kesihatan dan klinik desa di seluruh Sabah. Daripada jumlah itu, sebanyak 144 buah fasiliti atau 47.4% termasuk KD Simpangan (1984) di Pekan Nabalu telah berusia lebih dari 20 tahun. Untuk makluman, KD Simpangan di Pekan Nabalu ini telah pun dinaik taraf kepada KK Simpangan pada tahun 2015 dan klinik berada dalam keadaan baik serta berupaya menyediakan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan oleh penduduk.
2. Dalam RMK-12 RP1, Sabah telah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk empat (4) Klinik Kesihatan iaitu KK Suan Lamba, KK Matunggong, KK Meligan dan KK Dalit yang melibatkan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf Klinik sedia ada. Untuk permohonan RMK-12 RP2, sebanyak RM8.75 juta telah diluluskan untuk negeri Sabah.
3. Pihak KKM akan terus memohon peruntukan untuk penggantian, pembaikan dan naiktaraf fasiliti dan klinik-klinik kesihatan terutamanya di luar bandar yang uzur dan dhaif bagi meningkatkan kesediaan fasiliti berkenaan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.